

# Peralihan ekonomi China untungkan Asean: Dr Mahathir

BH 29/7/03  
MALAYSIA dan negara Asia Tenggara yang lain menghadapi tekanan meningkat dari China untuk mengekalkan tahap pelaburan langsung asing (FDI) yang membantu pertumbuhan pesat rantau ini pada 1980-an dan awal 1990.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir hlohamad berkata, berikutan kos buruh yang murah dan terlatih di China, banyak FDI kini beralih dari Asia Tenggara ke republik itu, menjadikan negara itu lebih kaya dan maju.

Bagaimanapun, katanya, kemakmuran kekayaan China tidak mengancam dunia, malah akan memberi manfaat besar kepada rantau ini, termasuk Malaysia, kerana negara itu pasti memerlukan banyak produk im-

port seperti kelapa sawit.

"Namun, peralihan kepada ekonomi yang lebih terbuka, akhirnya akan menyebabkan China berhadapan dengan kenaikan kos pengeluaran dan ini juga akan membuka pasaran baru untuk penguasaan produk di negara lain.

"Masanya akan tiba apabila kos pengeluaran di China akan naik dan ia tidak akan berupaya menarik sebanyak mana mungkin FDI," katanya selepas merasmikan Persidangan Usahawan Cina Sedunia ke-7 (WCEC), di Petaling Jaya, semalam.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, lebih daripada itu, rakyat China akan menjadi lebih kaya dan dengan itu mereka memerlukan lebih banyak barangan.

Katanya, penduduk China sudah pasti akan memerlukan produk dari negara lain, termasuk Malaysia, dan dengan itu China menjadi pasaran yang amat besar serta berpotensi untuk perdagangan.

"Saya pernah katakan, jika setiap penduduk China yang berjumlah 1.3 bilion mengambil sebuah sawit setiap seorang, kita akan menjadi kaya kerana mengeksport begitu banyak kelapa sawit kepada mereka," katanya.

Beliau berkata, Malaysia tidak bimbang kemunculan China sebagai kuasa tentera dan gergasi ekonomi kerana ia akan memberi faedah kepada dunia, terutama dari segi ekonomi serta keseimbangan kuasa.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir,

proses globalisasi sekarang akan hanya menyebabkan negara kaya menjadi terus kaya dengan menggunakan negara miskin sebagai tunggangan untuk menghalalkan cara.

"China boleh memperbetulkan ketidakseimbangan inidan berkongsi kekayaan dengan penduduk asal di negara yang berada berniaga. Di Malaysia, kita tiada masalah dengan kaum Cina kerana mereka adalah golongan sederhana.

"Mereka (orang Cina) akan melindungi hak mereka dan pada masa yang sama, mereka juga hendaklah peka kepada hak orang lain. Malaysia mengalu-alukan pelaburan dari China dan tidak akan meletakkan halangan yang tidak sepatutnya," katanya.